

CERAMAH RAIKAN KEMENANGAN SYAWAL

Oleh Salawati Haji Yahya
Gambar oleh Muiz Matdani

BANDAR SERI BEGAWAN, 19 MEI – Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, hari ini, telah menganjurkan Ceramah Khas: Meraikan Kemenangan Syawal yang berlangsung di Auditorium UNISSA.

Antara lain tujuannya adalah untuk merayakan kemenangan umat Islam dalam 'peperangan' menentang musuh jiwa yang terbesar iaitu hawa nafsu.

Ini dengan melakukan ibadah puasa Ramadan selama sebulan di samping melahirkan perasaan cinta dan syukur terhadap kehadiran bulan Syawal serta sebagai salah satu usaha untuk membantu rakyat Republik Turkiye dan Republik Arab Syria.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis ialah Pemangku Rektor UNISSA, Profesor Madya Dr Siti Sara binti Haji Ahmad.

Majlis turut menyaksikan penyerahan derma kepada Tabung Taawun UNISSA dan Tabung Kemanusiaan Gempa Bumi Republik Turkiye dan Republik Arab Syria yang telah disampaikan oleh Dekan Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam, Awang Muhammed Sahrin bin Haji Masri



Ceramah disampaikan oleh Profesor Madya Dr Sharifah Hayaati dari UNISSA.



Profesor Madya Dr Siti Sara hadir selaku tetamu kehormat semasa majlis berkenaan.



Antara yang hadir pada majlis tersebut.

kepada tetamu kehormat majlis.

Terdahulu itu, ceramah khas telah disampaikan oleh Profesor Madya Dr Sharifah Hayaati binti Syed Ismail al-Qudsy yang antara lain menekankan supaya mensyukuri nikmat bulan, hari dan detik masa yang diberikan oleh Allah SWT serta mensyukuri nikmat paling besar dalam bulan Ramadan di mana kita dianugerahkan keampunan dan keberkatan di dalamnya.

Seterusnya meraikan kemenangan di bulan Syawal dengan penuh kesyukuran dan juga kegembiraan setelah sebulan kita menahan lapar dan dahaga serta memupuk sifat sabar dalam diri.

Turut hadir pada majlis itu ialah para pensyarah, pegawai dan kakitangan kerajaan, mahasiswa dan mahasiswi UNISSA serta para belia.